
**TEKNIK K²WS²P² DAN SAMBAK
DALAM PENGAJARAN LISAN**

Isnani Norasiken Mohamed Ali
Mislimah Misti
Shaheeda Mohamed Ariffin

Sekolah Menengah Zhenghua

Abstrak

Kemahiran bertutur merupakan salah satu cabaran bagi pelajar bahasa Melayu. Pelajar biasanya kekurangan idea dan tidak dapat menyampaikan pandangan mereka secara tersusun berdasarkan gambar atau topik yang diberikan. Kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan kaedah *Chunking* atau pemenggalan bagi meningkatkan kemahiran bertutur pelajar. Selain itu, kajian ini juga menilai keberkesanan penggunaan teknik K²WS²P² dan SAMBAK dalam pengajaran dan pembelajaran yang menekankan kemahiran lisan. Sehubungan itu, penilaian sendiri dan rakan sebaya turut diterapkan dalam kajian ini. Data daripada praujian dan pascaujian menunjukkan peningkatan dalam kemahiran bertutur pelajar. Pelajar didapati terbimbing dalam pembelajaran lisan dan lebih yakin semasa bertutur.

Pengenalan

Dengan penekanan komponen lisan dalam peperiksaan peringkat nasional, kemahiran bertutur merupakan salah satu masalah dalam kalangan para pelajar sekarang kerana kurangnya penggunaan bahasa Melayu dalam pertuturan seharian. Dengan adanya komponen perbualan berdasarkan gambar dan perbualan berdasarkan topik, para pelajar menghadapi lebih banyak kesukaran. Dengan menyiapkan Pakej Lisan ini, para guru berharap para pelajar dapat meningkatkan lagi kemahiran bertutur mereka kerana pakej ini membimbing pelajar dari pelbagai segi.

Pakej ini dilengkapi dengan teknik $K^2WS^2P^2$ dan SAMBAK untuk digunakan bagi perbualan berdasarkan gambar dan topik. Teknik-teknik ini dapat membantu pelajar untuk menjana isi dan menyusun idea-idea yang dihasilkan semasa perbualan. Lantas, kajian ini dijalankan untuk mengukur sejauh mana keberkesanan teknik-teknik ini dalam membimbing pelajar untuk menguasai kemahiran bertutur.

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. mengukur keberkesanan *Chunking Method* sebagai pemerencahan dalam meningkatkan kebolehan pelajar menjana, menyusun dan menghuraikan idea dalam perbualan; dan
2. menilai keberkesanan teknik $K^2WS^2P^2$ dan SAMBAK membantu pelajar dalam kemahiran lisan.

Kajian Lepas

Kaedah *Chunking* telah wujud sejak zaman 1950-an apabila seorang pakar psikologi Harvard yang bernama George

Miller (1956) membuat kajian mengenai ingatan jangka pendek (*Short Term Memory*). Miller mengatakan bahawa otak manusia hanya boleh mengingat lima hingga sembilan perkara yang disimpan dalam ingatan jangka pendek kita. Lantas, untuk memastikan otak kita boleh mengingat perkara-perkara yang ingin kita pelajari, kita harus menggunakan kaedah *Chunking* untuk menyusun dan mengklasifikasikan perkara atau idea kepada lima hingga sembilan kategori.

Penggunaan kaedah *Chunking* dalam teknik SAMBAK telah wujud sejak tahun 90-an dan didapati berkesan sebagai usaha pemerancahan dalam pengembangan idea.

Teknik SAMBAK merupakan akronim bagi yang berikut:

S = **Siapa**
A = **Apa**
M = **Mengapa**
B = **Bila**
A = **Bagaimana**
K = **Kesan**

Menurut Vygotsky (1978), pemerancahan atau *scaffolding* dalam pembelajaran penting untuk membantu pelajar secara bertahap-tahap. Setelah berupaya menjana idea dengan lebih jelas secara sendiri, terperinci dan berstruktur, pelajar akan berasa lebih yakin untuk berbual mengenai gambar dan topik yang dikemukakan semasa ujian lisan.

Jon Saphier (2008) menyatakan manfaat penilaian teman sebaya dalam membina motivasi dan keyakinan pelajar. Penilaian teman sebaya dipercayai dapat mempercepatkan proses meningkatkan keyakinan diri pelajar di samping memberi peluang kepada pelajar untuk saling mempelajari daripada satu sama lain.

Dapatan kajian yang dibentangkan oleh Cikgu Norazisza Mohamed Taib & Cikgu Nurisha Hamid (2011) dari Sekolah Menengah Coral dalam kertas Pengajaran Lisan: Perbualan Berdasarkan Gambar Dengan Menggunakan Teknik K²WS² pada Seminar Bahasa Melayu 2011 menunjukkan keberkesanan teknik tersebut dalam membantu pelajar mengembangkan idea dengan lebih tersusun, jelas dan menarik.

Dengan ini, kami menggunakan dapatan daripada kajian-kajian sedia ada dan sesi-sesi perkongsian yang telah kami hadiri untuk menghasilkan pakej pembelajaran lisan dengan menggunakan gabungan teknik K²WS²P² dan SAMBAK bagi membantu pelajar dalam kemahiran lisan.

Kaedah Kajian

Kajian ini dijalankan untuk para pelajar Menengah 4 Ekspres iaitu seramai 29 orang pelajar. Markah lisan pelajar pada tahun 2010 digunakan sebagai markah praujian. Setiap dua minggu sekali, satu set bahan lisan diberikan kepada pelajar mengikut tema. Pelajar membuat persiapan menggunakan bahan-bahan yang diberikan. Pada peringkat awal, pelajar akan berlatih sendiri dan mereka dinilai oleh rakan sebaya. Guru akan mencatatkan markah yang diperolehi oleh pelajar. Sebagai pascaujian, guru akan menguji pelajar secara individu dan pencapaian pelajar akan direkod dan dianalisis.

Subjek Kajian

Seramai 29 orang pelajar Menengah 4 Ekspres terlibat dalam kajian ini.

Instrumen Kajian

Para pelajar menduduki praujian dan tiga latihan bersama rakan sebaya sebelum diuji guru dalam langkah pascaujian.

Prosedur Kajian

Pada peringkat awal, guru memberikan nota berkenaan kemahiran lisan kepada para pelajar. Dalam nota tersebut dijelaskan penggunaan teknik $K^2WS^2P^2$ dan SAMBAK untuk menjana idea bagi perbualan berdasarkan gambar dan topik. Seterusnya, guru memberikan satu set latihan lisan berdasarkan tema setiap dua minggu kepada pelajar. Para pelajar melakarkan isi-isi perbualan mereka dengan menggunakan templat yang telah disediakan dalam latihan tersebut. Para pelajar akan berlatih bertutur dengan rakan sebaya di dalam kelas. Semasa sesi latihan ini, rakan mereka akan menilai perbualan mereka dengan menggunakan senarai semak serta rubrik yang disediakan.

Dapatan Kajian

Jadual 1 merumuskan keputusan pelajar setelah menggunakan teknik-teknik $K^2WS^2P^2$ dan SAMBAK dalam pengajaran lisan.

Jadual 1: Keputusan Ujian Pelajar

	Praujian	Pascaujian
Jumlah Markah	40 markah (Perbualan Berdasarkan Gambar - 20 markah Perbualan Berdasarkan Topik - 20 markah)	40 markah (Perbualan Berdasarkan Gambar -20 markah Perbualan Berdasarkan Topik – 20 markah)
Markah Purata	26	31
Markah purata (%)	65 %	77 %

Markah praujian adalah berdasarkan markah yang diperolehi semasa peperiksaan lisan ketika pelajar berada di

tingkatan Menengah 3. Markah pascaujian pula adalah berdasarkan ujian yang telah dijalankan selepas 10 pengajaran lisan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan markah para pelajar yang telah melalui pengajaran lisan dengan menggunakan teknik $K^2WS^2P^2$ dan SAMBAK. Pencapaian mereka meningkat daripada 65% kepada 77%. Dengan peningkatan ini, gred pelajar dalam komponen lisan meningkat secara keseluruhan.

Cabaran

Dalam pelaksanaan kajian ini, guru menghadapi kesukaran untuk mengubah persepsi pelajar tentang kepentingan komponen lisan dalam peperiksaan. Dengan menyediakan pakej lisan untuk pembelajaran lisan sebagai sebahagian daripada kurikulum bahasa Melayu, pelajar kini lebih sedar akan kepentingan lisan dalam pembelajaran bahasa Melayu. Selain itu, guru perlu menggunakan masa di luar bilik darjah untuk menggalakkan pelajar membuat persediaan dengan melengkapkan penyusunan grafik bagi setiap tema yang diberikan. Penerapan pembelajaran sendiri penting untuk memastikan keberkesanan pembelajaran lisan.

Kesimpulan

Teknik $K^2WS^2P^2$ dan SAMBAK dalam pengajaran lisan terbukti berkesan untuk membimbing pelajar menyusun idea dengan lebih berstruktur. Mereka juga berasa lebih berkeyakinan.

Rujukan

- Fleming, Grace. Cramming by Chunking Information. <http://homeworktips.about.com/od/studymethods/a/cramming.htm> (dipetik pada 5hb Mac 2012)
- Miller, George (1956). *The Magical Number Seven, Plus or Minus Two: Some Limits on Our Capacity for Processing Information*. <http://www.musanim.com/miller1956/> (dipetik pada 5hb Mac 2012)
- Norazisza Mohamed Tain & Nurisha Hamid (2011). Pengajaran Lisan: Perbualan Berdasarkan Gambar dengan Menggunakan Teknik K^2WS^2 dalam *Memperkasa Guru Mempercepat Pelajar; Pengajaran Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Abad ke-21* Seminar Bahasa Melayu 2011. Kato Printing and Copy Service, Singapore.
- Saphier, Jon. (2008). *The Skillful Teacher: Building Your Teaching Skills*. Research for Better Teaching Inc.
- Vygotsky, L. (1978). Interaction between learning and development. From: *Mind and Society* (pp. 79-91). Cambridge, MA: Harvard University Press.